



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



**PERJALANAN KERJAYA DI MALAYSIA: MENANGANI
CABARAN PERKEMBANGAN KERJAYA DALAM ERA PASCA
PANDEMIK BERDASARKAN TEORI SUPER**

*CAREER JOURNEY IN MALAYSIA: ADDRESSING CAREER DEVELOPMENT
CHALLENGES IN THE POST-PANDEMIC ERA BASED ON SUPER'S THEORY*

Nurul Amhani Jasan Ahpandi¹, Mohamed Fadzil Che Din², Liley Afzani Saidi^{3*}

¹ Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Malaysia
Email: nurulamhani.jas@gmail.com

² Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Malaysia
Email: fadzil@upnm.edu.my

³ Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Malaysia
Email: liley.afzani@upnm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 26.10.2024

Revised date: 24.11.2024

Accepted date: 28.01.2025

Published date: 03.03.2025

To cite this document:

Ahpandi, N. A. J., Che Din, M. F., & Saidi, L. A. (2025). Perjalanan Kerjaya Di Malaysia: Menangani Cabaran Perkembangan Kerjaya Dalam Era Pasca Pandemik Berdasarkan Teori Super. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (57), 94-113.

DOI: 10.35631/IJEPC.1057007

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini menganalisis cabaran dan strategi penyesuaian dalam pembangunan kerjaya berdasarkan Teori Perkembangan Kerjaya Donald Super, dengan memfokus kepada konteks pasca pandemik. Teori ini membahagikan perkembangan kerjaya kepada lima tahap utama - pertumbuhan, eksplorasi, penetapan, peneguhan, dan penurunan - yang menekankan sifat dinamik dan sepanjang hayat perjalanan kerjaya individu. Melalui analisis kandungan data sekunder dari 2020 hingga 2024, kajian ini mendapati bahawa pandemik COVID-19, transformasi digital, dan perubahan sosio-ekonomi telah memberi impak signifikan pada setiap tahap perkembangan kerjaya. Kajian ini menegaskan bahawa strategi seperti peningkatan kemahiran digital, sokongan kesihatan mental, dan dasar pekerjaan yang inklusif adalah penting untuk menangani cabaran ini. Penemuan ini memberikan panduan berguna kepada kaunselor kerjaya, pembuat dasar, dan institusi pendidikan dalam menyokong pembangunan kerjaya individu. Cadangan untuk kajian akan datang termasuk penyelidikan longitudinal, penilaian program intervensi, dan penggunaan teknologi dalam pembangunan kerjaya.

Kata Kunci:

Teori Perkembangan Kerjaya Super, Cabaran Kerjaya Pasca Pandemik Strategi Penyesuaian Kerjaya, Transformasi Digital, Ketahanan Tenaga Kerja

Abstract:

This study examines challenges and adaptation strategies in career development based on Donald Super's Career Development Theory, focusing on Malaysia's post-pandemic context. The theory's five stage - growth, exploration, establishment, maintenance, and decline - offer a framework for understanding lifelong career development. A conceptual analysis of secondary data from 2020 to 2024 was conducted, emphasizing the impacts of COVID-19, technological advancements, and socio-economic changes. Findings reveal disruptions across career stages. Government initiatives, such as upskilling programs and digital transformation efforts, mitigated some impacts but highlighted inequities in access. The study concludes that Super's theory remains relevant but requires integration of digital literacy, mental health support, and inclusive policies to address contemporary challenges. These findings contribute to career counseling practices, policy-making, and educational frameworks aimed at enhancing workforce resilience and adaptability. Future research should adopt longitudinal methods to assess career trajectories and intervention effectiveness.

Keywords:

Career Development, Donald Super's Theory, Post-Pandemic Challenges, Adaptation Strategies, Workforce Resilience

Pengenalan


Perkembangan kerjaya adalah proses sepanjang hayat yang mencerminkan interaksi antara perubahan dalaman individu seperti nilai, minat, dan kebolehan, serta perubahan luaran seperti peluang pekerjaan, norma sosial, dan teknologi (Super, 1980; Savickas, 2005). Konsep ini semakin signifikan dalam era globalisasi dan teknologi di mana perubahan pasaran kerja berlaku dengan pantas. Dalam konteks ini, teori perkembangan kerjaya oleh Donald Super memberikan kerangka asas yang relevan untuk memahami bagaimana individu menavigasi cabaran dan peluang sepanjang perjalanan kerjaya mereka.

Super memperkenalkan konsep **life-span**, **life-space**, yang menekankan bahawa perkembangan kerjaya adalah dinamik dan bergantung kepada lima tahap utama: **pertumbuhan (growth)**, **eksplorasi (exploration)**, **penetapan (establishment)**, **peneguhan (maintenance)**, dan **penurunan (decline)**. Setiap tahap ini menggambarkan peranan dan cabaran unik dalam kehidupan kerjaya seseorang (Super, 1990). Sebagai contoh, tahap eksplorasi memerlukan individu mengenal pasti minat dan kebolehan mereka, sementara tahap penetapan menuntut penyesuaian kepada tuntutan pekerjaan dan organisasi (Hartung et al., 2005).

Namun, perkembangan kerjaya tidak berlaku dalam vakum. Ia dipengaruhi oleh faktor kontekstual seperti keadaan ekonomi, dasar kerajaan, dan dinamika teknologi (ILO, 2021). Pandemik COVID-19, sebagai contoh, telah mempercepatkan transformasi pasaran kerja global, dengan kesan ketara terhadap kestabilan pekerjaan, struktur gaji, dan perancangan kerjaya jangka panjang (Akkermans et al., 2020). Di Malaysia, laporan **Jabatan Perangkaan Malaysia (2021)** menunjukkan bahawa kadar pengangguran meningkat secara mendadak, mencerminkan cabaran yang dihadapi oleh individu, terutama golongan belia, dalam menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran kerja.

Pandemik telah memberi impak besar terhadap kadar pengangguran di Malaysia, terutamanya pada tahun 2021 apabila kadar pengangguran mencapai kemuncak 4.8% - angka tertinggi dalam dua dekad. Golongan belia berusia 15 hingga 24 tahun adalah yang paling terjejas dengan kadar pengangguran sebanyak 13.9% pada tahun yang sama, seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2021). **Rajah 1** memberikan gambaran tentang perubahan kadar pengangguran dari tahun 2020 hingga 2024.

Rajah 1: Kadar Pengangguran di Malaysia (2020–2024)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia (2021)

Pengangguran yang tinggi memberi kesan domino terhadap perkembangan kerjaya, termasuk kehilangan motivasi, penurunan keupayaan untuk meningkatkan kemahiran, dan kestabilan psikologi. Individu yang menghadapi pengangguran berpanjangan cenderung kehilangan harga diri dan merasa kurang kompeten, yang menghalang mereka daripada mengambil langkah proaktif (Akkermans et al., 2020). Di samping itu, kekangan kewangan akibat pengangguran sering menghalang akses kepada program peningkatan kemahiran yang kritikal untuk memenuhi keperluan pasaran kerja yang semakin digital (Sufian et al., 2020; World Economic Forum, 2020). Dari sudut psikologi, tekanan emosi seperti kecemasan dan kemurungan semakin meningkat dalam kalangan individu yang menganggur, yang memberi kesan negatif bukan sahaja kepada individu tetapi juga kepada keluarga mereka (Wang et al., 2020; ILO, 2021).

Selain itu, isu gaji dan kos sara hidup menjadi perhatian utama dalam pasca pandemik. Menurut laporan Bank Negara Malaysia (2022), gaji median bagi pekerja Malaysia meningkat secara perlahan, tetapi ia tidak setara dengan kenaikan kos sara hidup, terutama di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur dan Selangor. **Jadual 2** menunjukkan gaji median mengikut sektor ekonomi, di mana sektor perkhidmatan mencatatkan gaji tertinggi tetapi masih berada pada tahap yang membimbangkan apabila dibandingkan dengan kos perumahan dan barangan asas.

Jadual 2: Gaji Median Bulanan Mengikut Sektor di Malaysia (2020–2023)

Sektor	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
Perkhidmatan	2,200	2,300	2,400	2,500
Pembuatan	1,800	1,850	1,900	1,950
Pertanian	1,500	1,550	1,600	1,650
Pembinaan	1,900	1,950	2,000	2,100
Keseluruhan Ekonomi	2,000	2,100	2,200	2,250

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, 2022

Laporan oleh Abdul Rahim et al. (2021) menunjukkan jurang pendapatan antara kawasan bandar dan luar bandar di Malaysia semakin ketara, di mana gaji median pekerja bandar jauh lebih tinggi berbanding pekerja luar bandar. Ketidakeimbangan ini menyebabkan migrasi tenaga kerja ke bandar, memberi tekanan kepada pasaran kerja bandar (Bank Negara Malaysia, 2022). Ahmad et al. (2022) pula menekankan bahawa pekerja luar bandar menghadapi kekurangan akses kepada peluang peningkatan kemahiran dan teknologi, yang menghalang keupayaan mereka untuk bersaing dalam pasaran kerja moden. World Bank (2022) menambah bahawa ramai pekerja luar bandar terpaksa bekerja dalam sektor tidak formal yang kurang menjamin kestabilan pekerjaan jangka panjang. Jurang pendapatan ini memerlukan penyelesaian melalui dasar pekerjaan yang lebih inklusif dan progresif.

Transformasi digital yang dipercepatkan oleh pandemik juga telah mengubah sifat kerja dan kemahiran yang diperlukan dalam pasaran kerja. World Economic Forum (2020) melaporkan bahawa automasi dijangka mengambil alih lebih daripada 50% tugas manual pada pelbagai sektor, menuntut seseorang individu di semua peringkat perkembangan kerjaya untuk meningkatkan kemahiran (upskilling) atau belajar kemahiran baru (reskilling). Di Malaysia, sektor seperti perkhidmatan dan pembuatan telah mengalami perubahan dramatik, dengan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan pembelajaran mesin menggantikan banyak fungsi tradisional (Ministry of Human Resources Malaysia, 2021).

Namun begitu, tidak semua pekerja mempunyai akses kepada peluang peningkatan kemahiran yang sama. Kajian oleh Sufian et al. (2020) menunjukkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar menjadi penghalang utama kepada penguasaan kemahiran digital, terutamanya bagi pekerja di sektor berpendapatan rendah. Isu ini menonjolkan ketidaksamarataan dalam akses kepada peluang kerjaya, yang boleh menjejaskan keberkesanan pembangunan kerjaya di negara ini.

Relevansi Teori Super

Dalam menangani cabaran ini, Teori Perkembangan Kerjaya Super memberikan kerangka yang sesuai untuk menganalisis perjalanan kerjaya individu sepanjang hayat mereka. Super (1980) memperkenalkan konsep life-span, life-space, yang membahagikan perkembangan kerjaya kepada lima tahap utama—pertumbuhan (growth), eksplorasi (exploration), penetapan (establishment), peneguhan (maintenance), dan penurunan (decline). Setiap tahap ini tidak hanya mencerminkan perubahan dalaman seperti nilai, minat, dan kebolehan individu tetapi juga dipengaruhi oleh faktor luaran seperti perubahan teknologi, ekonomi, dan sosial (Savickas, 2005). Dalam konteks pasca pandemik, teori ini relevan untuk memahami bagaimana individu menyesuaikan diri dengan perubahan drastik yang berlaku di pelbagai peringkat kerjaya.

Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis cabaran yang dihadapi individu di setiap tahap perkembangan kerjaya berdasarkan Teori Super serta mengenal pasti strategi penyesuaian yang diperlukan untuk menghadapi cabaran kerjaya, terutamanya dalam konteks Malaysia pasca pandemik. Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan konseptual dengan memanfaatkan literatur terkini (2020-2024) untuk menyusun analisis yang komprehensif. Dengan memberi tumpuan kepada konteks Malaysia, ia diharapkan dapat memberikan sumbangan bermakna kepada dasar pembangunan kerjaya dan penyesuaian kerjaya individu.

Kajian Literatur

Teori Donald Super dalam Perkembangan Kerjaya

Kajian literatur ini memberi fokus kepada pelbagai tahap perkembangan kerjaya menurut teori Donald Super (1990) dengan menekankan cabaran dan strategi penyesuaian yang sesuai pada setiap tahap kerjaya. Kajian ini juga menghubungkan dapatan kajian terdahulu dengan cabaran pandemik COVID-19, teknologi, dan isu sosioekonomi dalam konteks Malaysia.

Tahap Pertumbuhan (Growth)

Pada tahap ini, individu membentuk konsep diri dan mula mengenali pelbagai peranan sosial melalui pendidikan dan sokongan keluarga (Super, 1990). Whiston dan Keller (2004) mendapati bahawa interaksi keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk aspirasi awal kanak-kanak terhadap kerjaya. Hartung et al. (2005) pula menyatakan bahawa pengalaman awal seperti pendedahan kepada pendidikan formal dan kokurikulum asas membantu individu membina kemahiran kritikal seperti literasi dan numerasi.

Namun, pandemik COVID-19 telah mengganggu perkembangan ini. Penutupan sekolah dan jurang digital telah menjejaskan pendidikan formal terutamanya dalam kalangan pelajar luar bandar. Kajian oleh Sufian et al. (2020) di Malaysia menunjukkan bahawa pelajar luar bandar mengalami kesukaran untuk mengakses pendidikan berkualiti akibat kekurangan peranti teknologi dan akses internet. Keadaan ini mengurangkan peluang kanak-kanak untuk membangunkan kemahiran literasi digital yang kritikal bagi kerjaya masa hadapan. McMahon dan Watson (2022) menekankan bahawa kekurangan pendedahan awal terhadap kerjaya boleh menjejaskan aspirasi kanak-kanak, di mana pengalaman seperti lawatan kerjaya dan program bimbingan awal sangat mempengaruhi pembangunan konsep kerjaya mereka.

Tahap Eksplorasi (Exploration)

Tahap eksplorasi melibatkan percubaan dalam pelbagai pilihan kerjaya melalui pengalaman praktikal dan pendidikan lanjutan (Super, 1990). Savickas (2002) menegaskan bahawa tahap ini penting untuk membantu individu memahami minat, nilai, dan kebolehan mereka dalam dunia kerja.

Pandemik COVID-19 telah memberi impak besar kepada peluang eksplorasi ini. Kajian oleh Aqae Moqaddam (2023) menunjukkan bahawa pengalaman praktikal seperti internship dan latihan amali membantu individu membina kemahiran insaniah seperti penyelesaian masalah dan kerja berpasukan. Namun, pembatalan program-program ini akibat pandemik telah mengurangkan peluang golongan muda untuk mendapatkan pengalaman langsung dalam persekitaran kerja sebenar.

Ekonomi gig muncul sebagai alternatif untuk menyokong tahap eksplorasi ini. Abdul Rahim et al. (2021) mendapati bahawa platform digital seperti Grab dan Shopee membantu individu muda memperoleh pengalaman kerja fleksibel, walaupun ia tidak memberikan kestabilan kerja jangka panjang. Transformasi digital juga menuntut peningkatan kemahiran digital dalam kalangan belia. World Economic Forum (2020) melaporkan bahawa kemahiran teknologi adalah keperluan kritikal untuk menghadapi automasi pekerjaan dalam era pasca-pandemik.

Tahap Penetapan (Establishment)

Tahap ini dicirikan oleh usaha individu untuk mencapai kestabilan dan kemajuan dalam kerjaya mereka (Super, 1990). Prastyaningtyas et al. (2023) menekankan bahawa teknologi memainkan peranan penting dalam membantu pekerja meningkatkan kemahiran dan menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran kerja. Walau bagaimanapun, pandemik telah meningkatkan kadar pengangguran, terutamanya dalam sektor tradisional seperti pelancongan dan perkhidmatan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Transformasi digital dan ekonomi gig menjadi penyelesaian sementara bagi pekerja yang kehilangan pekerjaan, tetapi cabaran seperti keselamatan kerja dan kekurangan faedah sosial kekal menjadi isu (Abdul Rahim et al., 2021). Kajian juga menunjukkan bahawa kemahiran insaniah seperti komunikasi dan kepimpinan semakin dihargai oleh majikan, menjadikannya elemen penting untuk kemajuan kerjaya (Kiong dan Yin-Fah, 2016).

Tahap Peneguhan (Maintenance)

Pada tahap ini, pekerja berusaha mengekalkan prestasi dan kedudukan kerjaya mereka (Super, 1990). Ryan dan Deci (2000) melalui Teori Motivasi Kendiri (Self-Determination Theory) menyatakan bahawa motivasi intrinsik seperti kepuasan kerja dan perasaan bererti dalam pekerjaan memainkan peranan penting dalam mengekalkan produktiviti. Namun, pandemik telah menjejaskan motivasi ini akibat ketidakpastian dan beban kerja yang tinggi (Akkermans et al., 2020).

Kajian tempatan menunjukkan bahawa program peningkatan kemahiran seperti National Upskilling Initiative membantu pekerja senior menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dan kekal relevan dalam pasaran kerja (Ministry of Human Resources Malaysia, 2021). Kemahiran insaniah juga membantu pekerja senior menjadi mentor yang berkesan, meningkatkan kepuasan kerja mereka (Kiong dan Yin-Fah, 2016).

Tahap Penurunan (Decline)

Tahap ini melibatkan persediaan untuk persaraan dan penurunan penglibatan dalam kerjaya. Salah satu cabaran utama adalah penyediaan kewangan untuk persaraan. Kajian oleh Abdul Rahman dan Lau (2024) menunjukkan bahawa peningkatan kos hidup dan kekurangan simpanan mencetuskan tekanan kewangan kepada pekerja yang bersara. Fenomena bersara awal juga semakin ketara di Malaysia, didorong oleh beban kerja yang tinggi dan tekanan kesihatan mental akibat pandemik (Mohd Mustafa, 2018).

Walaupun begitu, motivasi intrinsik untuk terus menyumbang di tempat kerja membantu pekerja senior mengekalkan kepuasan kerja mereka (Akkermans et al., 2020). Kajian menunjukkan bahawa sokongan sosial dan pengiktirafan profesional adalah penting untuk memastikan kesejahteraan pekerja pada tahap ini (Kim dan Park, 2022).

Jadual 3 berikut adalah ringkasan kajian yang lepas.

Jadual 3 : Rumusan Dapatan Kajian Lepas

Tahap Kerjaya	Penulis & Tahun	Fokus Kajian	Konsep Utama
Pertumbuhan (Growth)	Whiston & Keller (2004)	Pengaruh keluarga terhadap pembentukan aspirasi kerjaya awal	Interaksi keluarga membentuk pemahaman awal tentang kerja
	Hartung et al. (2005)	Peranan sekolah dalam membina literasi dan numerasi	Kemahiran asas untuk pembangunan kerjaya jangka panjang
	Sufian et al. (2020)	Kesan pandemik terhadap pendidikan formal dan jurang digital	Akses terhad kepada teknologi bagi kawasan luar bandar
	McMahon & Watson (2022)	Kesan pendedahan kerjaya awal terhadap aspirasi masa depan	Lawatan industri dan pameran kerjaya mempengaruhi aspirasi kerjaya
	UNESCO (2020)	Kesan tekanan mental akibat penutupan sekolah	Gangguan kesejahteraan mental dan identiti kerjaya
Eksplorasi (Exploration)	Savickas (2002)	Pentingnya pengalaman praktikal untuk memahami pilihan kerjaya	Membina kemahiran dan mengenal pasti minat kerjaya
	Aqaie Moqaddam (2023)	Pengaruh pengalaman praktikal terhadap pembangunan kemahiran teknikal dan insaniah	Pengalaman dunia sebenar menyumbang kepada kemahiran kerja
	Abdul Rahim et al. (2021)	Perkembangan ekonomi gig selepas pandemik	Peluang fleksibel melalui platform digital
	World Economic Forum (2020)	Perubahan teknologi dan digitalisasi dalam sektor pekerjaan	Keperluan kemahiran digital sebagai persediaan pasaran kerja
	Kementerian Sumber Manusia (2021)	Program Upskilling dan Reskilling di Malaysia untuk pembangunan kemahiran digital	Sokongan kepada individu dalam eksplorasi pasaran kerja
Penetapan (Establishment)	Jabatan Perangkaan Malaysia (2021)	Kesan pandemik terhadap kestabilan kerjaya di sektor perkhidmatan	Peningkatan kadar pengangguran
	Prastyaningtyas et al. (2023)	Peranan teknologi dalam meningkatkan produktiviti pekerja	Penggunaan sistem pengurusan sumber manusia
	Diawati et al. (2023)	Cabaran pekerja untuk menyesuaikan diri dengan teknologi baharu	Kekurangan kemahiran digital menyukarkan adaptasi

	Abdul Rahim et al. (2021)	Keselamatan kerja dalam ekonomi gig	Kekurangan faedah sosial dan kestabilan pekerjaan
	Kiong & Yin-Fah (2016)	Pentingnya kemahiran insaniah dalam kejayaan kerjaya	Komunikasi, kepimpinan, dan kerjasama
Peneguhan (Maintenance)	Ryan & Deci (2000)	Motivasi intrinsik dan kepuasan kerja	Kepuasan kerja dan penghargaan meningkatkan prestasi
	Akkermans et al. (2020)	Kesan pandemik terhadap motivasi pekerja	Ketidakpastian menjejaskan motivasi dan kesejahteraan mental
	Kim & Park (2022)	Hubungan antara pengiktirafan organisasi dan prestasi kerja	Penghargaan profesional meningkatkan keterlibatan pekerja
	Kementerian Sumber Manusia (2021)	Peranan program Upskilling dalam mengekalkan motivasi pekerja	Peningkatan kemahiran untuk kekal relevan
Penurunan (Decline)	Abdul Rahman & Lau (2024)	Perancangan kewangan untuk persaraan	Kos pencen mempengaruhi kestabilan selepas bersara
	Edrus et al. (2022)	Kesan inflasi dan kadar kematian terhadap tempoh persaraan	Keperluan simpanan mencukupi untuk menampung kos hidup
	Mohd Mustafa (2018)	Fenomena bersara awal di Malaysia	Tekanan kerja dan kemerosotan kesihatan sebagai faktor utama
	Akkermans et al. (2020)	Motivasi pekerja senior untuk terus menyumbang selepas umur persaraan	Kepuasan kerja melalui sumbangan sosial di tempat kerja

Sintesis dengan Kajian Terkini

Penemuan dalam kajian terdahulu menunjukkan bahawa setiap tahap perkembangan kerjaya mempunyai cabaran unik yang memerlukan strategi penyesuaian khusus. Dalam konteks pandemik dan perubahan teknologi, sokongan terhadap pendidikan, bimbingan kerjaya, dan program peningkatan kemahiran adalah penting untuk memastikan individu dapat melalui setiap tahap ini dengan jayanya. Kajian ini, yang memberi tumpuan kepada konteks Malaysia pasca-pandemik, menyumbang kepada literatur dengan menekankan strategi penyesuaian khusus dalam menghadapi cabaran kerjaya, sejajar dengan teori Donald Super.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah analisis kandungan, yang bersifat deskriptif dalam menjelaskan secara konseptual elemen-elemen tahap-tahap perkembangan kerjaya dan cabaran dalam pembangunan kerjaya. Kajian ini dijalankan pada tahun 2024 dan memfokuskan kepada

data sekunder yang diperoleh daripada pelbagai sumber seperti jurnal berimpak tinggi, artikel akademik, tesis, dan laporan rasmi yang sahih dan relevan dengan subjek kajian.

Proses Kajian

Proses kajian melibatkan beberapa langkah yang dinyatakan secara sistematik seperti berikut:

1. **Pemilihan Sumber Data:** Penyelidik mengenal pasti sumber sekunder yang relevan berdasarkan kesahihan dan kebolehpercayaannya, seperti jurnal yang diindeks dalam Scopus dan tesis yang diterbitkan oleh institusi ternama.
2. **Analisis Kandungan:** Data dianalisis menggunakan kaedah tematik untuk mengenal pasti konsep utama, cabaran kerjaya, dan elemen perkembangan kerjaya.
3. **Penyusunan Penemuan:** Hasil analisis dirumuskan untuk menghubungkan elemen teoritikal dengan cabaran praktikal dalam pembangunan kerjaya.

Pengurusan Data

Kajian ini dihadkan kepada literatur terkini (2020–2024) untuk memastikan penemuan relevan dengan konteks semasa. Walau bagaimanapun, cabaran utama dalam pengurusan data adalah memastikan kesahihan sumber yang digunakan dan mengatasi keterbatasan akses kepada beberapa bahan rujukan berbayar. Populasi kajian terdiri daripada literatur berkaitan yang melibatkan pelbagai teori, termasuk teori Donald Super dan kajian berkaitan pembangunan kerjaya dari seluruh dunia, termasuk kajian tempatan di Malaysia.

Saiz Sampel dan Analisis Data

Kajian ini menggunakan data sekunder. Oleh itu, saiz sampel adalah berdasarkan jumlah artikel yang diperoleh melalui analisis literatur. Artikel-artikel dipilih berdasarkan kriteria inklusi, seperti fokus pada teori kerjaya atau kajian cabaran pembangunan kerjaya, dan kriteria eksklusi, seperti artikel tanpa rujukan empirikal. Data yang dikumpul dianalisis untuk memastikan ketepatan pengurusan data dan rumusan tematik.

Hasil dan Limitasi

Kajian ini merumuskan bahawa kemajuan teknologi, cabaran sosio-ekonomi, norma budaya, dan tekanan psikologi adalah faktor utama yang mempengaruhi pembangunan kerjaya. Limitasi utama kajian termasuk kekurangan data primer dan keterbatasan akses kepada beberapa bahan rujukan. Walau bagaimanapun, kajian ini menyediakan asas yang kukuh untuk penyelidikan lanjutan yang melibatkan kajian lapangan dan pendekatan kuantitatif.

Dapatan Kajian

Tahap Kerjaya Berdasarkan Teori Super

Tahap Pertumbuhan (Growth)

Tahap Pertumbuhan adalah peringkat pertama dalam Teori Perkembangan Kerjaya Super dan berlaku dalam tempoh umur 4 hingga 14 tahun. Pada peringkat ini, seseorang individu mula membentuk konsep diri dan mengenali pelbagai peranan yang boleh dimainkan dalam masyarakat melalui interaksi dengan keluarga, rakan sebaya, serta institusi pendidikan (Super, 1980). Peringkat ini dianggap sebagai tempoh kritikal kerana ia memberi asas kepada pembangunan kerjaya seseorang individu pada masa depan. Konsep diri yang terbentuk pada

tahap ini akan menentukan bagaimana seseorang individu memandang dirinya sendiri dalam konteks kerja dan bagaimana mereka merancang untuk mencapai matlamat kerja.

Pengaruh keluarga adalah salah satu elemen penting dalam tahap ini. Individu belajar tentang kerja dan nilai-nilai kerja melalui pemerhatian terhadap ibu bapa dan ahli keluarga lain. Whiston dan Keller (2004) menekankan bahawa interaksi antara individu dengan ibu bapa membentuk asas kepada pemahaman awal tentang kerja, dan ini membantu mereka membangunkan aspirasi kerja. Selain itu, pengaruh sekolah juga memainkan peranan penting dalam membina kemahiran asas seperti literasi dan numerasi, yang merupakan kemahiran utama dalam pembangunan kerja jangka panjang (Hartung et al., 2005).

Namun, pandemik COVID-19 telah memberi kesan besar terhadap perkembangan kerja individu pada tahap ini, terutamanya dalam aspek pendidikan formal. Penutupan sekolah di seluruh dunia, termasuk di Malaysia, telah mengganggu pembelajaran secara bersemuka dan menyebabkan ramai pelajar ketinggalan dari segi pembelajaran akademik dan perkembangan sosial. Menurut Sufian, Nordin, Tauji, & Nasir (2020), sistem pendidikan Malaysia sangat terjejas akibat pandemik, dan ini memberi impak negatif kepada pelajar dari segi akses kepada pembelajaran yang berkualiti, terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan mempunyai akses terhadap teknologi digital.

Dalam kajian tersebut, penulis juga melaporkan jurang digital antara pelajar di bandar dan luar bandar telah meningkat disebabkan pandemik. Pelajar di kawasan luar bandar menghadapi masalah untuk mengakses pembelajaran dalam talian yang disebabkan oleh kekurangan peranti elektronik dan sambungan internet yang lemah (Sufian et al., 2020). Hal ini telah menjejaskan pembentukan kemahiran asas seperti literasi digital dan kemampuan untuk menyelesaikan masalah, yang merupakan kemahiran kritikal dalam pembangunan kerja masa depan.

Selain daripada cabaran dalam pembelajaran akademik, pandemik juga menjejaskan pendedahan kerja awal yang biasanya diperoleh melalui lawatan industri, program kerja di sekolah, dan aktiviti kokurikulum. McMahon, M., & Watson, M. (2022) menegaskan bahawa pendedahan awal kepada kerja secara signifikan mempengaruhi pilihan kerja seseorang individu dengan membentuk aspirasi dan pemahaman mereka tentang pelbagai profesion. Mereka membuat kesimpulan tentang pekerjaan melalui pemerhatian dan interaksi sampingan, yang boleh membawa kepada kesedaran kerja stereotaip. Penerokaan kerja yang terhad semasa zaman kanak-kanak mungkin menghalang perkembangan kerja masa depan. Namun, dengan kekurangan aktiviti fizikal seperti pameran kerja dan lawatan ke tempat kerja akibat pandemik, ramai individu kehilangan peluang untuk mendapatkan pendedahan ini, yang boleh menjejaskan kebolehan mereka membuat keputusan kerja pada masa hadapan.

Dalam konteks Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan inisiatif seperti DELIMa (Digital Educational Learning Initiative Malaysia) untuk menyokong pembelajaran dalam talian semasa dan selepas pandemik. Namun, kajian menunjukkan bahawa walaupun program ini bermanfaat kepada pelajar di kawasan bandar, pelajar di kawasan pedalaman masih menghadapi halangan besar dalam mengakses pendidikan yang berkualiti (Sufian et al., 2020). Kekurangan akses kepada teknologi bukan sahaja menyebabkan jurang pembelajaran, tetapi juga menjejaskan pembentukan kemahiran yang diperlukan untuk masa depan kerja mereka.

Di samping itu, kesihatan mental juga merupakan isu penting dalam tahap pertumbuhan ini. UNESCO (2020) melaporkan bahawa penutupan sekolah yang berpanjangan boleh menyebabkan tekanan mental dan sosial kepada pelajar, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak. Kanak-kanak ini kehilangan peluang untuk berinteraksi secara sosial dengan rakan sebaya mereka. Kesejahteraan mental yang terganggu ini boleh memberi kesan kepada pembentukan identiti kerjaya mereka, kerana tekanan emosi boleh mengurangkan keupayaan mereka untuk berfikir secara kritis dan membuat keputusan yang bijak mengenai masa depan kerjaya.

Secara keseluruhannya, Tahap Pertumbuhan adalah tempoh yang kritikal dalam perkembangan kerjaya seseorang individu. Pandemik COVID-19 telah membawa cabaran besar dalam aspek pendidikan, pendedahan kerjaya, dan kesejahteraan mental kanak-kanak. Namun, sokongan daripada keluarga, sekolah, dan inisiatif kerajaan seperti DELIMA dapat membantu mengurangkan kesan negatif ini. Adalah penting bagi pihak berkepentingan untuk terus memberikan sokongan kepada kanak-kanak dalam tahap ini agar mereka dapat membina asas yang kukuh untuk perkembangan kerjaya masa hadapan, walaupun dalam situasi yang mencabar.

Tahap Eksplorasi (Exploration)

Tahap Eksplorasi dalam Teori Perkembangan Kerjaya Super berlaku antara umur 15 hingga 24 tahun, di mana individu mula meneroka pelbagai pilihan kerjaya serta menentukan bidang yang sesuai dengan minat, nilai, dan kebolehan mereka. Tempoh ini sering melibatkan penglibatan dalam aktiviti akademik dan kokurikulum. Ia memberikan pengalaman awal kepada individu dalam bidang kerjaya tertentu. Menurut Super (1990), tahap eksplorasi ini adalah penting kerana ia membolehkan individu mencuba beberapa pilihan sebelum membuat seseorang individu keputusan muktamad mengenai kerjaya mereka.

Dalam tempoh ini, individu yang merupakan seorang pelajar biasanya membuat keputusan penting tentang pendidikan dan kerjaya, seperti memilih kursus di peringkat pendidikan menengah atau lanjutan, dan terlibat dalam pekerjaan sementara atau internship untuk mendapatkan pendedahan kepada dunia pekerjaan yang sebenar. Pada peringkat ini, mereka berusaha untuk mengenal pasti minat kerjaya mereka, mengembangkan kemahiran, dan menguji kesesuaian mereka dengan pelbagai bidang kerja yang ada (Savickas, 2002).

Namun begitu, pandemik COVID-19 telah membawa cabaran besar kepada individu dalam tahap eksplorasi ini. Sekatan pergerakan dan penutupan institusi pendidikan di seluruh dunia, termasuk di Malaysia, telah menjejaskan peluang pendidikan dan pengalaman praktikal yang penting bagi golongan muda. Menurut Sufian, Nordin, Tauji, & Nasir (2020), sistem pendidikan di Malaysia terjejas teruk oleh pandemik. Ramai pelajar terpaksa menghentikan pengajian secara bersemuka dan beralih kepada pembelajaran dalam talian. Ini telah memberi kesan kepada pelajar yang berada dalam tahap eksplorasi, di mana mereka kehilangan peluang yang penting untuk menjalani program latihan amali, internship, atau lawatan industri yang merupakan elemen penting dalam membina kemahiran kerjaya dan mengenali pasaran kerja. Individu yang berada dalam tahap eksplorasi ini biasanya bergantung pada pengalaman praktikal untuk membina kemahiran yang relevan. Aqaie Moqaddam, F. (2023) menyatakan pengalaman praktikal menyumbang kepada pembangunan kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah seperti penyelesaian masalah, kerja berpasukan, dan pemikiran kritis. Kualiti dan struktur program latihan adalah penting dalam memaksimumkan hasil pembelajaran,

menunjukkan bahawa peluang pembelajaran pengalaman yang teratur boleh menyokong peningkatan kemahiran dalam persekitaran dunia sebenar dengan berkesan. Walau bagaimanapun, banyak program internship dan latihan industri terpaksa dibatalkan atau ditangguhkan semasa pandemik. Ini memberi kesan langsung kepada pembangunan kerjaya individu dalam tempoh eksplorasi ini.

